

12 MAR 1996

Afrika Selatan

AFRIKA SELATAN MINTA MALAYSIA LATIH RAKYATNYA

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Afrika Selatan berminat mendapatkan bantuan Malaysia dalam mewujudkan belia yang cenderung kepada perniagaan dan kakitangan awam yang cekap, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha hari ini.

Beliau berkata Menteri Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Afrika Selatan Dr Zola Skweyiya telah meminta Malaysia membantu menyediakan program latihan dalam bidang pentadbiran, teknikal dan perniagaan.

"Kami bersedia menawarkan apa sahaja bantuan untuk membangunkan semula Afrika Selatan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Dr Skweyiya, di sini. Sebelum itu Dr Skweyiya mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Skweyiya adalah dalam rangka lawatan lapan hari ke Malaysia sejak Ahad.

Abang Abu Bakar, yang mengiringi Dr Skweyiya semasa pertemuan dengan Dr Mahathir, berkata Perdana Menteri memberitahu Dr Skweyiya bahawa rakyat Afrika Selatan digalakkan mendapatkan latihan di pelbagai tempat latihan di Malaysia.

Beliau berkata negara Afrika itu berminat mewujudkan belia kulit hitam yang berdikari dengan menjadikan mereka usahawan.

"Afrika Selatan boleh menghantar mereka yang mempunyai ketajaman fikiran dalam perniagaan ke sini untuk mendapat latihan dengan Mara atau Kementerian Pembangunan Usahawan," katanya.

Beliau berkata Dr Skweyiya juga kagum dengan kejayaan program penswastaan Malaysia dan mahu mempelajarinya dengan lebih mendalam.

Abang Abu Bakar berkata Dr Mahathir juga menjemput Presiden Nelson Mandela melawat Malaysia tahun depan.

Sementara itu, Dr Skweyiya berkata Malaysia telah banyak memberi bantuan kepada negara.

"Malaysia telah menawarkan semuanya yang kami mahu... Dr Mahathir memberikan jaminan bahawa Malaysia akan cuba membantu kita sekadar yang negara ini mampu," katanya. -- BERNAMA

MAM NAK